

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

27 JANUARI 2021
RABU



AKHBAR


TAJUK BERITA

M/S

KOSMO

PENDUDUK KESAL PENGURUSAN KILANG KUARANTINPEKRJA ASING DI
TAMAN PERUMAHAN

2



KOSMO

Penduduk kesal pengurusan kilang kuarantin pekerja asing di taman perumahan

'Kita lapor polis, kita kena siasat'

Oleh SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU — Kira-kira 150 penghuni yang tinggal di Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang hidup dalam kebimbangan apabila pekerja warga asing yang dikenakan kuarantin selepas menjalani ujian Covid-19 ditempatkan di dua buah rumah di taman perumahan berkenaan.

Menurut salah seorang penduduk, Rosliza Basir, 40, mereka kesal dan terkilan apabila pihak pengurusan kilang serta pihak berkuasa seolah-olah lepas tangan dalam menangani penularan pandemik Covid-19.

"Rumah saya sebelah dengan rumah yang disewa pihak kilang berkenaan untuk dijadikan asrama pekerja mereka. Tapi apa yang kami bimbang ialah pekerja yang dikuarantin ditempatkan di dua buah rumah di kawasan sini.

"Benda ini dah lebih seminggu, bila kita buat laporan kepada pihak polis, polis datang kami punya yang kena siasat selain perlu menunggu arahan daripada Kementerian Kesihatan (KKM).

"Bila buat laporan kita hubungi pihak berkuasa tempa-



PENDUDUK memasang sendiri tali pita dan tanda amaran di sebuah rumah di Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang yang dijadikan pusat kuarantin sementara pekerja warga asing sebuah syarikat.

tan mereka cakap suruh e-mel, kita dalam keadaan terdesak dan benda ini tak boleh dipandang mudah," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Rosliza berkata, persatuan penduduk menyedari dua rumah

berkenaan dijadikan penempatan sementara pekerja yang dikenakan kuarantin sejak seminggu lalu.

Katanya, tiada sebarang tanda amaran mahupun pemantauan daripada pihak syarikat atau ma-

na-mana pihak berkuasa sebagai langkah mencegah penularan Covid-19 secara berjedual atau sebagainya.

"Lebih kurang dalam 20 pekerja warga asing yang memakai gelang pink ditempatkan di dua

bahru rumah. Kami ada anak-anak, orang tua juga tinggal dekat sini, virus ini tidak nampak boleh berjangkit bila-bila masa.

"Dengan tak pasang tali amaran, dengan tak ada pemantauan, yang ada cuma hantar makaman, terpaksa kami buat sendiri pasang tali pita dan berjaga," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Penduduk Lorong Lampam 43, Mohd. Rizal Mohd. + Anuar berharap pihak berkuasa mengambil pendekatan yang sewajarnya dalam mengekang penularan pandemik berkenaan.

Jelasnya, pihak kerajaan khususnya Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu mengarahkan pihak pengurusan syarikat menyewa atau memindahkan pekerja yang dikuarantin terbaik ke kawasan yang jauh dari penduduk.

"Perkara ini tidak boleh dipandang remeh dan ambil mudah, jadi kami berharap pihak berwajib buka mata melihat keresahan rakyat seperti kami."

"Kami juga ada hak, hak keselamatan kami juga perlu dipandang serius," katanya.

